

03/11/2003

Veteran mesti jujur bentuk pelapis negara

Faizal Fadzil

MENJELANG persaraannya dulu, Tun Dr Mahathir Mohamad, mengajak pemimpin veteran supaya berundur bagi memberi ruang kepada wajah baru untuk terus mewarnai politik negara.

Ekoran permintaan bekas Perdana Menteri itu, pelbagai pihak mengemukakan

pandangan mengenai siapa yang wajar mengundurkan diri mereka.

Beberapa kerat pemimpin veteran, baik secara terbuka mahupun tertutup, melahirkan kesanggupan untuk meneladani Dr Mahathir.

Mereka sanggup berundur secara sukarela tanpa paksaan. Mungkin kerana menghormati saranan Dr Mahathir. Mungkin juga kerana desakan akar umbi.

Tidak kurang juga yang berasa sudah tiba waktunya mereka memberi laluan

kepada wajah baru kerana khuatir tidak tergalas beban menjadi pemimpin dalam negara yang kini dianggap sebagai teraju masyarakat dunia ketiga di

pentas sejagat.

Paling menarik di tengah-tengah peralihan kepemimpinan kini ialah lahirnya suara-suara yang mendesak pemimpin tertentu supaya mengundurkan diri

secara terbuka atas alasan mereka layak menduduki senarai `carta' dalam kategori yang disebutkan oleh Dr Mahathir.

Terbaru, desakan Presiden Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF), Datuk M G Pandithan, yang mendesak Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang sudah memimpin parti itu selama lebih 20 tahun, supaya turut berundur.

Jelas, proses peralihan kepemimpinan negara daripada Dr Mahathir kepada

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Jumaat lalu mencetuskan banyak luahan mengenai pewaris kepemimpinan pada semua peringkat pusat, negeri dan bahagian.

Apabila kepemimpinan baru mengambil alih tampuk pemerintahan negara, persoalan `team baru' memang tidak boleh dipinggirkan.

Namun, proses penyerahan kepemimpinan hanya boleh berlangsung dengan rapi dan licin jika pemimpin yang mahu berundur secara sukarela menyerahkan jawatannya, manakala pemimpin yang mahu menerima jawatan itu sudah bersedia untuk memikul tanggungjawabnya.

Dr Mahathir sudah bersedia menyerahkan jawatannya pada 1997, namun kepemimpinan politik ketika itu dianggap masih belum bersedia untuk memikul tanggungjawab berikutan realiti politik dan ekonomi semasa ketika itu.

Kira-kira 16 bulan lalu, Dr Mahathir juga menyatakan kesediaan untuk melepaskan jawatan kepada Abdullah. Namun, Abdullah selaku penggantinya menyatakan beliau masih belum bersedia menerimanya.

Baru-baru ini ketika ditanya pemberita, Abdullah dengan yakin menyatakan

kesediaan untuk meneruskan teraju kepemimpinan negara yang diamanahkan

kepada beliau. Justeru, dengan izin Allah, proses peralihan kepemimpinan telah berlangsung dengan rapi dan licin.

Dalam konteks ini, Umno beruntung kerana Dr Mahathir sudah menyediakan barisan pelapis untuk mengambil alih kepemimpinan beliau. Penyediaan kepemimpinan ini terserlah jika ditinjau barisan dalam kepemimpinan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Anggota MT Umno merangkumi pemimpin yang memiliki kepakaran yang mencakupi pelbagai bidang termasuk agama, ekonomi, perubatan, guaman, kejuruteraan, pendidikan dan bidang-bidang strategik lain.

Ahli MT Umno, baik dipilih perwakilan dan mahupun dilantik Presiden parti juga terdiri daripada pelbagai peringkat usia.

Malah, dari segi tingkah laku dan watak, anggota MT juga turut memiliki pelbagai sikap yang wajar dimiliki oleh satu barisan kepemimpinan yang mantap.

Ada yang pendiam tetapi bijak dalam melahirkan idea dan pandangan. Ada yang lantang, terutama menghadapi barisan kepemimpinan pembangkang. Ada yang memiliki ilmu pengetahuan agama yang tinggi bagi menangkis tohmahan bersandarkan agama oleh pembangkang. Tidak kurang juga yang mahir dalam hal ehwal ekonomi bagi memajukan taraf hidup bangsa Melayu dalam menghadapi saingan masyarakat sejagat.

Pada peringkat Pusat, Umno jelas berupaya menyediakan barisan kepemimpinan yang memiliki keupayaan mewarisi kepemimpinan akan datang.

Di sebahagian besar negeri pula, proses penyerahan kepemimpinan mungkin tidak banyak menghadapi masalah.

Jika diperhatikan jumlah pemimpin muda yang sudah menjawat jawatan menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen serta yang menjawat peranan penting dalam parti, bangsa Melayu sekurang-kurangnya boleh menarik nafas lega.

Ini kerana sebahagian besar kepemimpinan negeri adalah barisan kepemimpinan yang kini sedang diuji ketahanannya sekurang-kurangnya sejak

10 hingga 15 tahun lalu di bawah pengawasan Dr Mahathir sendiri.

Namun, masih ada lapisan pimpinan pada peringkat Bahagian, yang belum meneladani Dr Mahathir dalam menyediakan barisan pelapis mereka.

Pertembungan di antara pemimpin generasi muda (tidak semestinya daripada Pergerakan Pemuda dan Puteri) dan generasi dewasa (tidak semestinya veteran) masih tetap wujud.

Fenomena ini seolah-olah mengulangi sejarah pertembungan pemikiran dan idea Kaum Muda dan Kaum Tua yang pernah wujud dalam kepemimpinan bangsa Melayu ketika era pra-kemerdekaan dulu.

Misalan, dalam satu wawancara penulis beberapa tahun lalu dengan seorang

Ketua Bahagian Umno, beliau menyebut betapa pentingnya kepemimpinan bahagian menyediakan pimpinan pelapis untuk menggantikan golongan veteran.

Namun, hakikatnya ketua bahagian berkenaan yang berusia menghampiri 50-

an, adalah pemimpin termuda dalam barisan kepemimpinan bahagiannya.

Masalah ini bukan saja wujud dalam parti politik tetapi juga dalam pelbagai pertubuhan belia yang masih lagi dikuasai oleh generasi lama.

Pertembungan pemikiran dan idea ini berlaku terutama dalam menggerakkan parti.

Seorang pemimpin belia negeri pernah memberitahu penulis mengenai pertembungan pemikiran yang jelas berlaku dalam satu mesyuarat untuk menganjur hari belia pada peringkat negeri. Dalam pertemuan itu, sekelompok kecil pemimpin muda mahu menganjurkan pelbagai aktiviti yang selari dengan selera anak muda masa kini seperti pertandingan "Wall Climbing" dan pelbagai aktiviti "X-treme Games" yang semakin popular.

Namun, pandangan ini dibantah oleh kelompok pemimpin generasi lama yang menguasai majlis belia berkenaan, yang mahu "meneruskan tradisi" menyambut hari belia yang dipenuhi dengan ucapan panjang lebar dan persembahan pentas seperti sajak dan koir.

Kesannya, dewan perhimpunan dipenuhi golongan remaja dan belia yang 'diangkut' untuk memeriahkan hari belia dan bukannya golongan belia bebas, yang mahu menyertai hari belia kerana tertarik dengan aktiviti yang dianjurkan.

Begitu juga dalam kepemimpinan peringkat bahagian. Ada bahagian yang pemimpin mudanya dibiarkan bersendirian untuk meneroka dan merancang sendiri bagi menggerakkan aktiviti tanpa sokongan 'sejati' bahagian. Mungkin kerana aktivitinya tidak memenuhi selera golongan lama bahagian. Mungkin juga kerana enggan membiarkan pemimpin muda mengasah kepemimpinan sebagai persiapan mewarisi tampuk di bahagian.

Hakikatnya, pemimpin lama memiliki banyak pengalaman untuk memandu dan membimbing pemimpin baru.

Pengalaman berjuang untuk bangsa Melayu sejak sebelum merdeka, pengalaman menggerakkan bangsa Melayu untuk mengisi kemerdekaan dan pengalaman memajukan bangsa Melayu supaya berupaya menyaingi bangsa-bangsa lain di dunia, semuanya dimiliki oleh pemimpin lama.

Pemimpin lama pada peringkat bahagian adalah tunjang yang selama ini membantu Dr Mahathir dan barisan kepemimpinan pusat dalam pelbagai resolusi daripada konvensyen parti serta sumbangan pemikiran dalam Perhimpunan Agung Umno sejak 22 tahun lalu.

Justeru, adalah satu tragedi bagi umat Melayu jika pengalaman dan pemikiran yang membantu memperkukuh Umno, bangsa Melayu dan Malaysia selama ini, tidak dikongsi bersama pemimpin muda yang baru mahu bertatih dalam politik.

Pertembungan pemikiran dan idea dua generasi yang masih berlaku di bahagian-bahagian tertentu parti dan juga pertubuhan-pertubuhan belia, hanya akan terus merencatkan proses kesinambungan kepemimpinan negara yang bakal merugikan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia.

Masa depan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia pasti terjejas jika fenomena ini terus dibiarkan berleluasa pada era kepemimpinan negara yang baru kelak.